



KENYATAAN MEDIA

ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)

Bagi kes

Sukarelawan APM didakwa dera budak sampai mati (Sinar Harian, 23 Okt 2019)

Pengasuh berdepan hukuman mati (MyMetro, 23 Okt 2019)

Dera anak asuhan hingga mati, pasangan direman 7 hari (BH online, 2 Okt 2019)

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) hari ini ingin membuat kenyataan bahawa Mohd Sazry Mohd Taha, 36, tertuduh yang terbabit dalam kejadian dera sehingga menyebabkan kematian seorang daripada anak asuhannya antara 28 dan 29 September lalu adalah merupakan seorang anggota yang telah digugurkan keanggotaan sebagai Anggota Sukarela Pertahanan Awam kerana tidak lagi aktif di Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Keperibadian tertuduh secara jelas tidak menggambarkan keseluruhan lebih dari 2 juta Anggota Sukarela Pertahanan Awam yang berdaftar dan tindakan yang beliau lakukan dalam kes tersebut adalah tiada kaitan dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia adalah berpendirian tegas dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana Anggota Sukarela Pertahanan Awam yang melanggar undang-undang atau melakukan sebarang bentuk jenayah yang boleh mencemarkan nama dan imej Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Adalah dipohon pertimbangan dari semua pengamal media untuk membuat semakan terlebih dahulu dari pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebelum sesuatu kenyataan berkaitan Anggota Sukarela Pertahanan Awam disiarkan. Kerjasama ini sesungguhnya dapat meningkatkan lagi hubungan di antara APM dan Media.

**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
23 OKTOBER 2019**